

## SILING MASJID JATUH SATU PERSATU

M. Feisal Norawi  
2 Jun 2016



Nazri menunjukkan siling masjid yang jatuh satu persatu sejak tiga bulan lalu

MENTAKAB - Tinggal empat hari menjelang Ramadan namun jemaah Masjid Abu Bakar di sini, dilanda keresahan apabila siling masjid itu jatuh satu persatu setiap hari sejak tiga bulan lalu.

Masalah sama pernah berlaku tahun lepas itu dipercayai berpunca daripada kebocoran bumbung masjid hingga menyebabkan siling reput dan berat apabila terdapat air bertakung.

Malah, kejadian itu juga mengundang risiko keselamatan kepada jemaah masjid berkenaan selain menjadi punca permaidani basah dan berbau busuk.

Kejadian itu berulang kurang setahun selepas kerja membaiki siling dan atap masjid bernilai kira-kira RM100,000 selesai dilakukan tahun lalu.

Siak masjid, Nazri Abu Kasim, 52, berkata, akibat kejadian itu, ruang tengah masjid terpaksa ditutup buat sementara waktu kerana lantainya basah dan tidak boleh digunakan apabila hujan.

“Kejadian siling jatuh telah berlaku sejak tiga bulan lalu. Satu persatu kepingan jatuh bersama takungan air dan terbaru berlaku Subuh tadi (semalam).

“Nasib baik tiada kemalangan melibatkan jemaah masjid,” katanya kepada pemberita ketika ditemui di masjid itu, semalam.

Nazri berkata, akibat kejadian itu jemaah masjid hanya dapat menggunakan bahagian tepi untuk solat jemaah.

Menurutnya, dalam keadaan Ramadan tinggal hanya beberapa hari pihak masjid bimbang tidak mampu menampung jemaah kerana masjid itu mendapat perhatian ramai untuk bersolat di situ.

“Sekarang memang sudah lewat untuk baiki kerosakan. Tak tahulah macam mana nak guna masjid ni untuk solat tarawih Ramadan nanti,” katanya.

Sementara itu pengawal keselamatan masjid, Aznan Mat Nor, 52, berkata, perkara itu telah dimaklumkan kepada pihak berkuasa tiga bulan lalu namun sehingga kini tiada tindakan dilakukan.

Menurutnya, setiap kali siling jatuh laporan dihantar kepada pihak berkuasa dan mereka datang buat tinjauan tetapi tiada tindakan.

“Kami tidak tahu mahu adu masalah ini ke mana-mana lagi. Cuma kami harap ada tindakan segera diambil untuk atasi masalah ini,” katanya.

*Sumber :<http://www.sinarharian.com.my/edisi/pahang/siling-masjid-jatuh-satu-persatu-1.527783>*